

Headline **Karnival TaHa@U dekati siswa**
 Date **21 Apr 2011**
 MediaTitle **Berita Harian**
 Section **Supplement**
 Journalist **Siti Fatimah Mohamed Anwar**
 Frequency **Daily**
 Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
 Page No **v10**
 Article Size **782 cm²**
 Color **Full Color**
 ADValue **34,452**
 PRValue **103,356**



WARGA UUM serbu kaunter Tabung Haji sejak dibuka Isnin lalu.



KAMARUDIN (tiga dari kiri) menyampaikan cenderamata kepada siswa sambil diperhatikan Zainor (dua dari kiri).

Karnival TaHa@U dekati siswa

Siti Fatimah Mohamed Anwar

TABUNG Haji akan berusaha memperluaskan penganjuran Karnival Kelab TaHa@U di semua institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dengan melaksanakan pelbagai pengisian program yang bertepatan dengan kehendak dan keperluan golongan mahasiswa di negara ini, secara berperingkat.

Ketua Operasi Tabung Haji, Datuk Kamarudin Mat Ali, berkata ketika ini pihaknya sudah melancarkan Karnival Kelab TaHa@U di empat IPTA antaranya, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam dan Universiti Utara Malaysia (UUM) yang dibuat bersempena Karnival Kerjaya UUM di Sintok, Kedah, Isnin lalu.

Beliau berkata, ini adalah sebahagian daripada sumbangan sosial korporat (CSR) pihaknya yang diharap dapat memberi manfaat kepada pelajar IPT untuk menyertai program yang disediakan termasuk aktiviti riadah dan ilmiah.

"Penganjuran Karnival Kelab TaHa@U ini bukan saja memberi peluang kepada Tabung Haji mendekati golongan mahasiswa, tetapi pada masa sama kami dapat menyalurkan maklumat tepat mengenai peranan sebenar kami kepada masyarakat

umum.

"Sepanjang 40 tahun ditubuhkan, ramai menganggap Tabung Haji hanya berperanan sebagai organisasi yang menguruskan jemaah haji, tetapi hakikatnya peranan kita lebih luas termasuk sebagai institusi kewangan yang terbabit dengan pelbagai sektor pelaburan seperti hartanah, perladangan, perhotelan, makanan dan teknologi maklumat yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara," katanya selepas merasmikan Karnival Kelab TaHa@U di Dewan Mu'adzam Shah, UUM, Selasa lalu.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Pelajar UUM, Prof Madya Dr Mohd Amy Azhar Mohd Harif dan Pengarang Eksekutif (Rencana) Berita Harian, Zainor Said.

Lebih 2,000 pelajar UUM mengunjungi Karnival TaHa@U pada hari pertama karnival itu yang dianjurkan bersempena Karnival Kerjaya UUM.

Kamarudin berkata, Tabung Haji akan cuba sedaya upaya untuk menganjurkan Karnival TaHa@U di 16 IPTA seluruh negara dengan melaksanakan pelbagai program yang selaras dengan kehendak mahasiswa ketika ini.

"Bagi memastikan kita tidak menganjurkan program bersifat 'syok sendiri' kita perlu

peka dan tahu mengenai keperluan dan minat serta kecenderungan golongan mahasiswa.

"Kita perlu faham pelajar universiti ketika ini ialah Generasi-Y yang mana minat dan kehendak mereka tidak sama dengan mahasiswa 20 tahun lalu. Justeru, selain memastikan program ini mencapai objektifnya ia juga harus menyumbang kesan positif terhadap pembangunan pendidikan negara," katanya.

Kamarudin berkata, pihaknya menganjurkan pelbagai program menarik sempena karnival terbabit ia termasuk 'Speaker's Corner' iaitu ruang pidato yang memberi peluang kepada pelajar melontarkan idea dan pemikiran mengenai pelbagai isu termasuk isu semasa atau yang berkaitan dengan permasalahan golongan itu.

Beliau berkata, selain itu pihaknya turut menganjurkan aktiviti riadah termasuk 'explorace' yang disertai penuntut UUM, sukan rakyat dan pertandingan catur serta dam.

"Kita yakin, Kelab TaHa@U dapat memupuk semangat menabung yang sekali gus mendidik golongan mahasiswa menguruskan kewangan dengan bijak dan berbelanja secara berhemah.

Ketika ini Tabung Haji mempunyai kira-kira 5.7 juta deposit termasuk golongan remaja dan kita berharap sifat menabung dalam kalangan generasi muda akan dijadikan amalan ketika mereka dewasa.

"Kelab ini juga akan dijadikan landasan untuk Tabung Haji meneruskan lagi tanggungjawab kami kepada masyarakat membentuk generasi kelas pertama yang mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang," katanya.

Sementara itu, Dr Mohd Amy Azhar berkata, Kelab TaHa@U ialah pakatan strategik yang terjalin antara Tabung Haji, Berita Harian dan UUM yang sekali gus dapat membuka peluang kepada pelajar UUM menyertai pelbagai program bermanfaat yang disediakan.

Beliau berkata, UUM juga bercadang untuk menganjurkan karnival yang sama bersempena Pesta Konvokesyen UUM yang akan berlangsung 10 hari bermula 1 Oktober depan sekiranya sambutan yang diterima menggalakkan.

"UUM bertuah kerana terpilih sebagai IPTA keempat menganjurkan karnival berkenaan dan peluang begini tidak akan disia-siakan oleh pihak universiti dan pelajar," katanya.

Headline **Karnival TaHa@U dekati siswa**
Date **21 Apr 2011**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Supplement**
Journalist **Siti Fatimah Mohamed Anwar**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **v10**
Article Size **782 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **34,452**
PRValue **103,356**



BEBERAPA peserta Explorace sempat bergambar kenangan.



PELBAGAI aktiviti diadakan menarik kehadiran pelajar.



MILLA turut memeriahkan Karnival TaHa@U.

Headline **Karnival TaHa@U dekati siswa**
Date **21 Apr 2011**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Supplement**
Journalist **Siti Fatimah Mohamed Anwar**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **v10**
Article Size **782 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **34,452**
PRValue **103,356**



SENAMROBIK bagi mengalakkan gaya hidup sihat.